



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR 2017

HOTEL SERI PACIFIC, KUALA LUMPUR

28 OGOS 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 2.00 PETANG

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

ALUAN-ALUAN

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Timbalan-Timbalan Menteri

Yang Berhormat Exco-Exco Pembangunan Luar Bandar
YBhg. Datuk Borhan Bin Dolah
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Pemimpin-Pemimpin Masyarakat

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan dan keberkatan-Nya dapat kita berkumpul pada majlis Konvensyen Pembangunan Luar Bandar 2017. Terima kasih diucapkan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri yang kita hormati, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi di atas kesudian beliau melapangkan masa bagi menyempurnakan majlis pada petang ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir menyertai konvensyen selama dua hari ini. Konvensyen pada kali ini dengan tema "Membandarkan Luar Bandar" dihadiri oleh lebih dari 500 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan, wakil-wakil dari Institusi Pengajian Tinggi, Pertubuhan Bukan Kerajaan, pemimpin masyarakat termasuk dari Sabah dan Sarawak, Majlis Perwakilan Pelajar, belia luar bandar, usahawan dan sektor korporat. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke konvensyen ini menunjukkan komitmen tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama terlibat dalam merancang hala tuju pembangunan luar bandar.

YAB Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Konvensyen Pembangunan Luar Bandar 2017 diadakan dengan tujuan untuk mendapatkan pandangan, input dan aspirasi semua pihak, terutamanya penduduk

luar bandar dalam penggubalan Dasar Pembangunan Luar Bandar-Transformasi Nasional 2050 (DPLB-TN50). Konvensyen ini merupakan salah satu platform utama bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mendengar pandangan semua pihak berkepentingan dalam merencana agenda pembangunan luar bandar untuk tempoh 30 tahun akan datang. Penglibatan mereka di konvensyen kali ini diharapkan dapat menyumbang untuk menghasilkan dasar pembangunan luar bandar yang menyeluruh dan menepati kehendak pemegang taruh, terutamanya masyarakat luar bandar itu sendiri.

4. Konvensyen Pembangunan Luar Bandar ini merupakan kemuncak kepada beberapa siri libat urus yang dianjurkan KKLW ke arah pembangunan DPLB-TN50. Bermula pada 18 April 2017, KKLW telah melaksanakan **enam Sesi Perbincangan Fokus Berkumpulan atau Focus Group Discussion (FGD)** meliputi Zon Tengah, Zon Timur, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Sarawak dan yang terakhir di Zon Sabah pada 24 Julai 2017. FGD ini melibatkan seramai kira-kira 634 orang peserta. Peserta-peserta FGD berpeluang terlibat secara aktif dalam memberikan pandangan dan idea-idea bernas berhubung isu berkaitan pembangunan luar bandar melalui kaedah perbincangan kumpulan kecil.

5. Selain itu, Kementerian ini telah mengadakan empat program Bicara Komuniti yang telah dihadiri oleh kira-kira lebih dari seribu orang belia bagi mendapatkan aspirasi mereka. Dalam program ini, ikon-ikon yang berjaya juga telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan memberikan idea tentang masa hadapan luar bandar, selain memberikan motivasi dan inspirasi kepada belia yang hadir untuk mencipta kejayaan sendiri. Kementerian juga telah menyediakan CHAT TN50@KKLW sebagai platform atas talian kepada masyarakat luar bandar memberikan aspirasi mereka.

6. Melalui sesi libat urus ini, KKLW telah berjaya mengumpul lebih daripada seribu aspirasi masyarakat luar bandar untuk tempoh 30 tahun akan datang. Aspirasi ini meliputi pelbagai bidang, yang antara lainnya kemudahan infrastruktur, peluang pendidikan, ekonomi, kualiti hidup, urus tadbir dan kepimpinan, alam sekitar serta kenegaraan. Aspirasi, pandangan dan idea yang telah diutarakan ini akan dibincang dan diperhalusi dalam konvensyen ini untuk dijadikan input bagi penggubalan DPLB-TN50.

YAB Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Pada tahun 2017 Kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak **RM5.67 billion** di bawah **peruntukan pembangunan**. Daripada jumlah berkenaan, **RM2.25 billion** diperuntukkan untuk pembangunan prasarana untuk projek-projek seperti Bekalan Elektrik Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Jalan Luar Bandar dan Projek Jalan Kampung. Selebihnya, peruntukan berkenaan disalurkan untuk program-program bantuan perumahan, keusahawanan, program peningkatan

pendapatan, dan pembangunan modal insan. Program-program ini akan memberi manfaat dan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar.

8. Diharapkan daripada pelaksanaan program-program ini, bukan sahaja dapat menarik minat penduduk luar bandar untuk terus kekal di luar bandar, tetapi juga dapat menggalakkan penghijrahan penduduk bandar ke luar bandar atau dikenali sebagai “**Reverse Migration**” yang boleh memberi kesan kepada sosio-ekonomi dan struktur penduduk.

Transformasi Luar Bandar

9. DPLB-TN50 merupakan kesinambungan program Transformasi Luar Bandar (TLB) yang telah diperkenalkan pada tahun 2015. Transformasi Luar Bandar yang bertujuan untuk memajukan luar bandar melangkaui penyediaan infrastruktur asas, dengan menyediakan peluang untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi serta memajukan masyarakat melalui perubahan sikap dan minda. Ianya mempunyai 19 inisiatif di bawah enam fokus utama iaitu Prasarana, Pembangunan Belia, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan dan Sistem Penyampaian.

10. Transformasi luar bandar ini juga menyentuh soal pendidikan segenap lapisan masyarakat bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak sehingga ke peringkat tinggi berasaskan kemahiran. Pada peringkat awal kanak-kanak, fokusnya ialah untuk menjadikan tabika KEMAS berprestasi tinggi sebagai pilihan utama ibu bapa. Sementara di peringkat tinggi pula, program transformasi memfokuskan kepada Pendidikan dalam Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pembelajaran sepanjang hayat yang memberi penekanan kepada pemeraksanaan institusi kepimpinan kampung.

DPLB-TN50

11. Transformasi Nasional 2050 yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan bajet pada bulan Oktober 2016 telah merubah halatuju dasar pembangunan luar bandar yang bakal dibangunkan ini. Ianya menuntut supaya dasar pembangunan luar bandar dibangunkan secara lebih komprehensif dan lestari.

12. Justeru, Dasar Pembangunan Luar Bandar-Transformasi Nasional 2050 atau DPLB-TN50 akan dibangunkan berdasarkan kepada kajian ke atas dasar-dasar sedia ada, perancangan pembangunan negara dan sasaran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di bawah agenda *Sustainable Development Goals* 2030. Ianya merangkumi 9 teras iaitu; pembangunan belia, ekonomi, keusahawanan, modal insan berkualiti, prasarana, kehidupan sihat sejahtera, biodiversiti dan alam sekitar, sistem penyampaian dan tadbir urus berkualiti serta pembangunan wilayah, petempatan dan persempadanan desa.

KONVENSYEN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR 2017

YAB Dato' Seri, Tuan-tuan dan Puan-puan

13. Pada pagi ini, tuan-tuan dan puan-puan telah mendengar pembentangan kertas kerja mengenai Pembangunan Negara Pasca 2020, Revolusi Industri 4.0 dan juga Anjakan Paradigma Penduduk Luar Bandar. Selepas ini, tuan-tuan dan puan-puan berpeluang untuk mendengar mengenai Cakna Pembangunan Sabah dan Sarawak Ke Arah Status Negeri Berpendapatan Tinggi. Saya berharap ianya dapat memberi gambaran dan meningkatkan kefahaman tuan-tuan dan puan-puan tentang senario masa hadapan serta cabaran yang bakal dihadapi, khususnya dalam pembangunan luar bandar. Pendedahan ini diharapkan dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan dalam menyumbang idea dan pandangan ke arah pembentukan DPLB-TN50 ini.

PENUTUP

14. Sesungguhnya menjadi harapan saya agar Konvensyen Pembangunan Luar Bandar 2017 ini akan membuahkan hasil yang terbaik dalam usaha KKLW membangunkan dasar pembangunan luar bandar yang baharu. Saya berharap tempoh 2 hari ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh tuan-tuan dan puan-puan dan melibatkan diri secara aktif ke arah penggubalan dasar tersebut.

15. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan di atas komitmen yang diberi untuk menjayakan Konvensyen ini. Semoga usaha kita pada hari ini untuk membangunkan dasar luar bandar akan memberi manfaat terutamanya untuk generasi akan datang. Semoga usaha murni kita ini dirahmati dan diberkati oleh Allah S.W.T.

16. Sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.